

06 MAR 1997

SALEH SULONG GANTI ALLAHYARHAM YAHAYA

PETALING JAYA, 6 Mac (Bernama) -- Datuk Mohamed Saleh Sulong telah dilantik sebagai pengerusi Diversified Resources Bhd, Gadek Malaysia Bhd, Gadek Capital Bhd dan Kedah Cement Holdings Bhd, demikian diumumkan hari ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad juga telah merestui dan mengesahkan perlantikan Saleh sebagai pengerusi Proton dan Edaran otomobil Nasional Nasional Bhd.

Saleh juga dilantik sebagai presiden dan pengerusi Hicom Holdings Bhd.

Tiada perubahan lain dibuat terhadap pengurusan syarikat-syarikat berkenaan.

Perlantikan Saleh ialah kerana mengisi kekosongan akibat kematian Allahyarham Tan Sri Yahaya Ahmad dalam nahas helikopter malam Jumaat lalu.

-- BERNAMA

JR SIA